

Hari Pertahanan Mutlak

Tahun ini, Sekolah Rendah Greenwood telah memperingati Hari Pertahanan Mutlak yang bertemakan "Bersama kita membuat Singapura kukuh". Kami telah mengingati perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh perintis Singapura.

Aktiviti yang dijalankan pada hari itu sungguh menarik. Contohnya, murid-murid Darjah 6, telah mereka dan menghiasi kad-kad permainan yang mereka mainkan selepas itu. Kami juga mendengar sesi perkongsian semasa perhimpunan sekolah tentang Hari Pertahanan Mutlak.

Semasa waktu rehat, murid-murid juga berpeluang untuk melihat dan menaiki kereta polis yang dipamerkan. Terdapat juga kuiz yang murid-murid sertai selepas melihat pameran yang disediakan. Mereka pun mempelajari cara untuk membalut tangan yang tercedera. Mereka juga dapat bergambar bersama guru yang beruniform polis dan askar. Sungguh seronok!!!

Kita boleh mengambil bahagian dengan secara aktif dengan mengambil bahagian dalam latihan kecemasan seperti latihan kebakaran. Kita mesti tahu talian kecemasan supaya kita boleh menghubungi pihak-pihak yang tertentu seperti pihak polis, pasukan paramedik dan bomba. Dengan itu, kita boleh melindungi orang lain di sekeliling kita. Kita juga boleh menolong antara satu sama lain semasa kecemasan. Kita boleh memastikan bahawa koridor rumah kita bebas daripada barang-barang yang membahayakan. Selepas sesuatu kecemasan, kita boleh mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Dilaporkan oleh:



ZAHYR
ZURAIMI
S RESILIENCE



NUR SHADRINA
MOHAMED SHA'BAN
S RESPECT



MUHAMMAD
WAQIYUDDIN
WAFIQ ZAINUDDIN
S RESPONSIBILITY



SUBIKSHA
SUTHAN RAO
S RESPONSIBILITY



HARYZ HYDER
HELMY
S RESPONSIBILITY



AMMAR RUSYDAN
MOHAMAD ROSLAN
S RESPECT

Kita mesti mendidik murid-murid tentang Hari Pertahanan Mutlak agar mereka tahu apa itu Hari Pertahanan Mutlak dan tahu perkara yang perlu dilakukan semasa kecemasan. Pihak sekolah boleh mengajar murid-murid tentang penderitaan yang ditanggung oleh nenek moyang kita semasa penjajahan Jepun. Dengan itu, murid-murid boleh berasa bersyukur atas semua kesenangan yang mereka rasai sekarang dan pertahankan Singapura dengan jiwa dan raga.

Semboyan kecemasan dibunyikan pada Hari Pertahanan Mutlak pada 6.20 petang untuk membiasakan rakyat Singapura dengan bunyi semboyan itu. Semboyan itu akan dibunyikan apabila ada kecemasan yang besar di Singapura sebagai isyarat untuk rakyat bahawa negara kita dalam bahaya. Kemudian, kita harus mendengar berita di radio agar kita tahu perkara yang telah terjadi dan harus kita lakukan. Lantas, kita harus mengikut arahan tersebut untuk menyelamatkan diri.



TOTAL DEFENCE
TOGETHER WE KEEP SINGAPORE STRONG